

21 JUL 1998

Mahathir-Ekonomi

AKHBAR CINA DAN DAP DIMINTA TIDAK KECAM INDONESIA

SEREMBAN, 21 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta akhbar-akhbar berbahasa Cina dan parti DAP supaya tidak cuba menggunakan negara ini untuk mengecam Indonesia berikutan rusuhan daripada kegawatan ekonomi di negara itu baru-baru ini.

"Itu bukanlah cara untuk kita hendak menolong orang di Indonesia," katanya semasa berucap pada majlis perjumpaan dengan pemimpin parti komponen Barisan Nasional, pemimpin masyarakat dan pertubuhan serta pegawai-pegawai kanan kerajaan negeri di dewan Majlis Perbandaran Seremban di sini.

Katanya, cara yang baik ialah memujuk mereka mengadakan satu cara mengagihkan kekayaan negara antara semua kaum.

"Saya mintalah akhbar-akhbar Cina dan DAP jangan cuba guna Malaysia untuk mengecam Indonesia kerana masalah dalaman...ini tidak baik," katanya.

Katanya, rusuhan dan perbuatan memecah kedai milik orang Cina di Indonesia berlaku kerana perniagaan kebanyakannya berada dalam tangan orang Cina dan Indonesia tidak mempunyai Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk mengagihkan kekayaan di antara peribumi dan bukan peribumi.

"Saya berasa khuatir sedikit kerana di Malaysia ada usaha dalam surat-surat khabar Cina dan parti DAP untuk mengecam Indonesia kerana berlakunya rusuhan menyebabkan banyak kedai Cina musnah," katanya.

Dr Mahathir berkata oleh kerana perniagaan masih dalam tangan orang Cina dan apabila orang peribumi ini tidak mempunyai wang yang cukup untuk membeli barangan, maka mereka merusuh dan memecah kedai orang Cina.

Katanya, Indonesia menjadi begitu miskin dan 24 juta rakyatnya menganggur akibat krisis mata wang yang berpunca daripada pedagang mata wang.

Beliau berkata rakyat Malaysia perlu berhati-hati kerana jika tidak "kita juga akan dibawa arus."

Katanya, di Malaysia perkara rusuhan seumpama itu tidak berlaku kerana kerajaan telah memperbetulkan keadaan tidak seimbang tadi dengan memperkenalkan DEB.

Perdana Menteri berkata Malaysia telah memberi pelbagai bantuan termasuk pinjaman wang dan ubat-ubatan bagi menolong rakyat Indonesia untuk menenangkan keadaan supaya rakyat negara itu tidak menderita manakala pedagang mata wang sedikitpun tidak menghiraukan kesusahan yang dirasakan rakyat negara itu.

Dr Mahathir juga berkata persefahaman dan kerjasama antara rakyat dan kerajaan telah membolehkan banyak masalah diatasi, dan peristiwa rusuhan kaum pada 1969 telah mengajar negara untuk membentuk dasar yang boleh membawa kerjasama dan mengurangkan perbezaan antara kaum.

Katanya, Malaysia kini dianggap antara negara termaju di kalangan negara membangun dan banyak negara membangun menganggap Malaysia sebagai contoh bagaimana negara yang mundur boleh memajukan dirinya.

"Ini kerana kerajaan mendapat sokongan kuat daripada rakyat...kita boleh tentukan dasar yang boleh memajukan kita," katanya.

Beliau berkata kegawatan ekonomi berlaku berikutan kejatuhan nilai mata wang ringgit disebabkan pedagang mata wang, bukannya disebabkan oleh kerajaan sebagaimana yang didakwa oleh media asing kononnya kerajaan tidak telus, korup dan mengamalkan nepotisme.

"Kalau kerajaan tidak baik, sudah lama keadaan (menjadi) tidak baik..."

takkanlah tiba-tiba jadi tidak baik, kenapa tidak lebih awal dari itu berlaku kejatuhan nilai ringgit kita," katanya.

Dr Mahathir berkata bagaimanapun negara masih boleh bertahan lagi dan boleh mempertahankan diri kerana rakyat sudah bijak dan faham mengenainya.

-- BERNAMA

AZ RP NMO